SENGKANG GREEN Primary School

Mother Tongue Languages Department

# Primary 5
# Malay Language Subject Information for Parents

# Visi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

**ARIF BUDIMAN**

**Insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat**

**Prauniversiti**

Membina bahasa dan budaya Melayu secara kreatif dalam kesediaan menghadapi cabaran dan peluang dalam dunia yang berubah

**Menengah**

Mendalami dan menghargai bahasa dan budaya Melayu dalam pelanjutan pembangunan negara.

**Rendah**

Mengenali dan memahami bahasa dan budaya Melayu sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk Singapura.

# Faedah Kedwibahasaan

## Kedwibahasaan mampu pertingkat daya saing pada peringkat global

Apr 23, 2018 | 05:30 AM

SHAHIDA SARHID

0 Kongsi



# Faedah Kedwibahasaan

## Ong Ye Kung: Kedwibahasaan semakin meningkat

Sep 01, 2018 | 02:00 PM

Kongsi




Menteri Pendidikan Ong Ye Kung menekankan peri penting menggunakan bahasa ibunda dan bahasa Inggeris, dalam ucapannya di majlis pelancaran Bulan Bahasa 2018 di Wisma Geylang Serai pada 1 September. NUR ADILAH MAHBOB

LEBIH ramai keluarga menggunakan kedua-dua bahasa ibunda dan bahasa Inggeris di rumah, meskipun bahasa Inggeris semakin menjadi bahasa utama, kata Menteri Pendidikan Ong Ye Kung.

Satu tinjauan Kementerian Pendidikan (MOE) ke atas murid darjah satu baru-baru ini menunjukkan bilangan keluarga yang menggunakan kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa ibunda di rumah meningkat daripada 83 peratus pada 1997 kepada 90 peratus pada 2017.

# Faedah Kedwibahasaan



# Faedah Kedwibahasaan




Model ini menekankan bahawa kedwibahasaan membantu seseorang itu meningkatkan prestasi akademik, memastikan kesihatan minda dan menyiapkan kanak-kanak untuk alam pekerjaan kerana seseorang yang mengetahui lebih daripada 1 Bahasa merupakan calon yang lebih sesuai jika dibandinkan dengan calon yang hanya fasih dalam 1 Bahasa sahaja.

# Pelajar Aktif, Pengguna Cekap







# Pelajar Aktif, Pengguna Cekap

1. Pelajaran harian:
- penggunaan bahan-bahan Cekap
- penggunaan ICT (e-Cekap, SLS, iMTL, Tinta)
- pakej bahan pengajaran berteraskan kemahiran abad 21 (BaHam, M3, Maju Membaca)

2. Dwiminggu Bahasa Ibunda / Pesta Bahasa
3. Sambutan Hari Raya
4. Hari Keharmonian Kaum
5. PreBaYa

# Bahan yang Disediakan

1. Booklet Komponen Bahasa – kefahaman, imbuhan, peribahasa, golongan kata

2. Booklet Mari Mahir Menulis: karangan contoh, senarai frasa berbunga

3. Aktiviti Maju Membaca

4. Sampel Kertas Latihan

5. Nota Bahasa: senarai seerti / seiras, penjodoh bilangan,

# 6 Kemahiran Bahasa




Rajah 4: Model Kemahiran Teras Bahasa

# Lelaman:
# iMTL & Student Learning Space

- *Latihan berteraskan ICT untuk setiap kemahiran bahasa*



# Lelaman:
# iMTL & Student Learning Space

*Contoh: Interaksi Lisan*

Mind_Your_Manners (熟食中心)



0:00 / 0:55

Keywords

food center, mind your manners，熟食中心，礼仪，礼貌，纸巾，占位

Skill

Spoken Interaction,Written Interaction

Level

P3,P4,P5,S1,S2,S3,S4,S5

# Format Peperiksaan

| PSLE (BAHASA MELAYU) | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Kertas** | **Kandungan** | **Markah** | **Pertimbangan** | **Jangka Masa** |
| 1 | Karangan | 40 | 20% | 50 minit |
| 2 | Penggunaan Bahasa dan Kefahaman | 90 | 45% | 1 jam 40 minit |
| 3 | Kefahaman Mendengar | 20 | 10% | 30 minit |
| | Lisan | 50 | 25% | 15 minit |
| JUMLAH PENUH: | | 200 markah | 100% | |

# Kertas 1- Karangan

- 2 soalan diberikan
  Karangan Berdasarkan Topik
  Karangan Berdasarkan Gambar

- Murid mesti menjawab 1 soalan sahaja.

- Murid perlu menulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 150 patah perkataan.

**50 minit**

# Karangan Berdasarkan Topik

Mengarang berdasarkan tajuk dan panduan yang diberikan.

Soalan :

**<u>Peristiwa</u> Yang Menjadi <u>Kenangan Manis</u>**

Panduan :

- Apakah peristiwa tersebut?
- Bilakah peristiwa itu terjadi?
- Bagaimanakah peristiwa itu terjadi?
- Mengapakah peristiwa tersebut menjadi kenangan manis buat kamu?

**50 minit**

# Karangan Berdasarkan Gambar




kolong blok

memimpin tangan

menghayun raket

cedera

badminton

khusyuk

terlanggar

berasa cemas

**50 minit**

# Kamus Yang Diluluskan

**MALAY DICTIONARIES**

| S/N | TITLE | PUBLISHER | APPROVED PERIOD |
|---|---|---|---|
| 1 | Kamus Dewan (Edisi Kedua) | Dewan Bahasa dan Pustaka | 2017 – 2021 |
| 2 | Kamus Dewan (Edisi Ketiga) | Dewan Bahasa dan Pustaka | 2017 – 2021 |
| 3 | Kamus Dewan (Edisi Keempat) | Dewan Bahasa dan Pustaka | 2017 – 2021 |
| 4 | Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan (Edisi Kedua) | Dewan Bahasa dan Pustaka | 2017 – 2021 |
| 5 | Kamus Pelajar (Terbitan Khas KBSM) | Dewan Bahasa dan Pustaka | 2017 – 2021 |
| 6 | Kamus Pelajar Bahasa Malaysia (Edisi Kedua) | Dewan Bahasa dan Pustaka | 2017 – 2021 |
| 7 | Kamus Pelajar Bahasa Malaysia (Terbitan Khas KBSM) | Dewan Bahasa dan Pustaka | 2017 – 2021 |
| 8 | Kamus Komprehensif Bahasa Melayu | Oxford Fajar Sdn. Bhd. | 2017 – 2021 |

# Penggunaan Kamus

- Pastikan ada pelekat sekolah
- Tiada bahagian yang ditanda/ditulis/diserlah







# Kamus Yang Diluluskan

**MALAY E-DICTIONARIES**

| S/N | NAME and MODEL | PUBLISHER | APPROVED PERIOD |
|---|---|---|---|
| 1 | Global Translator / Model M188 e-dictionary<br>(Kamus Bimbit Elektronik Riang Ria) | EDN-Media Consultant Pte Ltd | 2017 - 2021 |

# Alat Tulis

- Pastikan ada pensel 2B (diraut)
- Pemadam
- Pena
- Penyerlah
- Pita pemadam

# Lorek OAS- Booklet A

- Pastikan ada pensel 2B
- Pensel diraut
- Pemadam



# Kertas 2: Bahasa & Kefahaman

| | |
|---|---|
| IMBUHAN | 20 |
| PERIBAHASA | 10 |
| GOLONGAN KATA | 10 |
| KEFAHAMAN OBJEKTIF | 10 |
| MELENGKAPKAN  FRASA | 8 |
| RANGSANGAN GRAFIK | 6 |
| INTERAKSI  PENULISAN | 4 |
| KEFAHAMAN SUBJEKTIF | 22 |
| MRKAH PENUH | 90 |

**1 Jam 40 minit**

# Kertas 2- Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

**IMBUHAN ( 20 markah )**

**Arahan :** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Tim ialah seorang doktor. Beliau **(1)** ______ di sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur. Tim ialah seorang doktor yang suka menolong orang. Dia **(2)** ______ oleh ramai kerana kerajinannya.

Sebagai anak tunggal, Tim **(3)** ______ memikul tanggungjawab yang berat. Beliau telah **(4)** ______ agar berdikari sejak kanak-kanak lagi. Semasa cuti sekolah, Tim **(5)** ______ getah di Kebun Pak Abu untuk mencari wang **(6)** ______ sekolahnya. Sejak di bangku sekolah lagi, beliau telah membuktikan **(7)** ______ dan tekadnya untuk belajar. Beliau

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (1) | bertugas | (2) | ditugaskan |
| | (3) | petugas | (4) | tugasan |
| 2 | (1) | bersuka | (2) | disukai |
| | (3) | menyukai | (4) | tersuka |
| 3 | (1) | dipaksa | (2) | memaksa |
| | (3) | paksaan | (4) | terpaksa |
| 4 | (1) | asuhan | (2) | diasuh |
| | (3) | mengasuh | (4) | pengasuh |
| 5 | (1) | bertoreh | (2) | ditoreh |
| | (3) | menoreh | (4) | penoreh |
| 6 | (1) | belanjakan | (2) | berbelanja |
| | (3) | membelanjakan | (4) | perbelanjaan |
| 7 | (1) | kepintaran | (2) | memintarkan |

**1 jam**
**40 minit**

# Kertas 2- Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

Senarai Peribahasa P3-P6

**PERIBAHASA (10 markah)**
**Arahan**: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petilkan.

| | |
|---|---|
| Badrul kelihatan sungguh hairan dengan Fazlan. Semua yang mereka bincangkan tentang berita di dalam dan luar negeri tidak diketahuinya.<br><br>"Fazlan, awak ini (11) **seperti katak di bawah tempurung**. Awak tidak membaca surat khabar atau melungsuri Internet ke?" tanya Badrul.<br><br>" Maafkanlah saya. Saya ini bukanlah (12) **panjang akal** macam awak semua," jawabnya dengan malu.<br><br>Badrul yang mula sedar akan kata-katanya yang | 11 (1) terhad pengetahuan atau pengalaman<br>(2) tiada pengetahuan atau pengalaman<br>(3) banyak pengetahuan atau pengalaman<br>(4) cepat lupa pengetahuan atau pengalaman<br><br>12 (1) matang<br>(2) berdikari<br>(3) berakhlak<br>(4) bijaksana<br><br>13 (1) perah tenaga<br>(2) memerah otak<br>(3) tangan kosong<br>(4) mengorak langkah |

**1 jam**
**40 minit**

# Kertas 2- Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

**GOLONGAN KATA (10 markah)**

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Kancil merupakan sejenis haiwan yang cerdik. Ia dikenali di kalangan binatang di **(16)** ________ kerana selalu mempunyai akal untuk **(17)** ________ segala masalah. Walaupun kancil mempunyai tubuh yang kecil, ia **(18)** ________ dan pantas bergerak. Kancil juga mempunyai pendengaran yang sangat **(19)** ________ . Betapa perlahan sesuatu bunyi pasti ia akan dapat mendengarnya. Kebijaksanaan

16 (1) hutan
(2) taman
(3) lautan
(4) angkasa

17 (1) membuktikan
(2) menyebabkan
(3) membahaskan
(4) menyelesaikan

18 (1) liar
(2) pandai
(3) garang
(4) tangkas

19 (1) hebat
(2) tajam

**1 jam**
**40 minit**

# Kertas 2- Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

**KEFAHAMAN 1 (10 markah)**

**Arahan:** Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

"Baris! Sedia!" Semua anggota pengakap berdiri tegak dan melihat ke hadapan. Tiada siapa yang berani bergerak. Mereka telah **dihimpun** pagi itu kerana ada perkara mustahak yang hendak disampaikan oleh ketua pasukan mereka.

Setelah berpuas hati dengan kelakonan-kelakonan pasukan pengakapnya, ketua itu memberi arahan supaya mereka senang diri. Kemudian, dia bertanya sebab mereka dihimpun pagi itu. Semua pengakap tidak tahu mengapa mereka dipanggil pagi itu. Tanpa membuang masa, ketua pengakap mula menerangkan **perkara sebenar**. Menurutnya, pengetua sekolah telah mendapat maklumat bahawa salah seorang ahli pengakap kumpulan itu telah menyalahgunakan wang kutipan derma minggu lepas. Sebelum perkara menjadi lebih buruk, ketua pengakap berharap pengakap yang

1 jam
40 minit

# Kertas 2- Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

21. Kumpulan pengakap itu berhimpun kerana ______________.

(1) mereka ada latihan barisan
(2) mereka harus mengutip derma
(3) ketua pengakap mahu berjumpa mereka
(4) ketua kumpulan mahu mereka membersihkan almari mereka

22. Berita penting yang hendak disampaikan datang dari ________________.

(1) pengetua sekolah
(2) ketua kumpulan pengakap
(3) seorang anggota pengakap
(4) Nazri, Hashim dan kawan-kawan

23. Frasa ‘**perkara sebenar’** dalam perenggan kedua merujuk kepada ____________.

(1) hukuman pesalah
(2) pesanan pengetua sekolah
(3) penyalahgunaan wang derma
(4) kesalahan pengakap-pengakap

**1 jam**
**40 minit**

# Lorek OAS

- Pastikan ada pensel 2B
- Pensel diraut
- Pemadam
- ‘Elimination method’



# Kertas 2- Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

**Frasa (8 markah)**

**Arahan**: Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis **angka** jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

| |
|---|
| (1) berbulu panjang ini |
| (2) terlalu banyak alahan |
| (3) sikat yang bergigi rapat |
| (4) daripada produk yang baik |
| (5) dibawa berjumpa doktor haiwan |
| (6) membelanja di kedai menjual binatang peliharaan |

Yani : Eh, cantiknya kucing awak!

Yati : Terima kasih. Ini kucing kesayangan saya. Ayah yang menghadiahi saya kucing Parsi ini. Comelkan?

Yani : Ya, comel sekali. Susahkah menjaga kucing yang (26)_____________, Yati?

Yati : Tidaklah. Awak hanya perlu memberus bulunya setiap hari. Makanannya harus (27)_______________. Jika tidak bulunya tidak akan tumbuh dengan baik.

**1 jam**
**40 minit**

# Kertas 2- Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

**Kefahaman 2: Ransangan Grafik (10 markah)**
**Arahan**: Teliti brosur yang berikut.

## TEMASYA BUKU 2017

Buat julung-julung kalinya, syarikat Pena Sakti, akan mengadakan jualan buku besar-besaran sempena ulang tahunnya yang ke-10.

**MASUK PERCUMA!!!**
**Tempat: Dewan 5, Temasek Expo**
**Tarikh: 3-4 Mac 2017**
**Masa: 10 pagi hingga 10 malam**



Acara-acara menarik:
3 Mac 2017

- Pelancaran novel terbaru Anita AS bertajuk Pulau Misteri
- Pementasan drama oleh PERBAYU Sekolah Menengah Jauhari
- Sesi Autograf bersama penulis terkenal, Rila Sensasi

1 jam
40 minit

# Kertas 2- Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

**30.** Temasya buku ini diadakan sempena ____________________.

(1) jualan buku secara besar-besaran
(2) kali ke-10 temasya ini diadakan
(3) ulang tahun syarikat buku Pena Sakti
(4) pelancaran novel terbaru penulis terkenal

**31.** Salah satu acara menarik yang akan diadakan pada hari pertama ialah ____________________.

(1) ceramah oleh seorang profesor
(2) persembahan oleh pelajar sekolah
(3) peraduan melakonkan watak buku cerita
(4) sesi autograf bersama penulis novel Pulau Misteri

**32.** Kanak-kanak berusia 10 hingga 12 tahun boleh menyertai ____________________.

(1) sesi autograf
(2) persembahan drama
(3) peraduan melukis penanda buku
(4) peraduan melakonkan watak buku cerita

**Jawapan**

| | |
|---|---|
| **30.** | |
| **31.** | |
| **32.** | |

**1 jam**
**40 minit**

# Kertas 2- Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

**33.** Kamu mahu mengajak keluarga kamu menghadiri Temasya Buku 2017. Untuk meyakinkan ibu bapa kamu itu, kamu harus menerangkan kepadanya dua faedah tentang temasya tersebut.

Gunakan informasi dalam brosur pemberitahuan untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini. (4 markah)

Ayah dan ibu, Temasya Buku 2017 akan diadakan pada hujung minggu ini. Selain daripada kita boleh masuk ke temasya ini secara percuma, kita juga boleh ______________________________

**Interaksi Penulisan**

**1 jam**
**40 minit**

# Kertas 2- Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

**Kefahaman 3 (22 markah)**

**Arahan:** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

"Jangan lupa bersarapan, Ayu," nasihat Puan Maria, ibu Ayu. Pagi-pagi lagi Puan Maria sanggup bangun awal untuk menyiapkan sarapan untuk Ayu. Ayu yang sudah mandi, bersiap dan berpakaian seragam itu hanya berbuat bodoh. Dia langsung tidak menghiraukan kata-kata ibunya.

"Ah, nanti aku makan di kantin sekolah sahajalah," bisik Ayu di lubuk hatinya.

Hati Puan Maria terguris tetapi dia hanya terus bersabar dengan kelakuan Ayu itu. Ayu keluar rumah tanpa menyapa ibunya. Dia masih geram terhadap ibunya yang tidak membenarkannya pergi ke rumah rakannya, Sharil pada hujung minggu itu. Sebenarnya, Puan Maria sudah pun membuat rancangan untuk menziarahi pusara ayah Ayu. Ayah Ayu baru meninggal dunia dua bulan sebelumnya. Oleh itu, Puan Maria mahu Ayu ikut sama.

Ayu lazimnya berjalan kaki ke sekolah. Dalam perjalanan ke sekolah, Ayu terjatuh. Dia berjalan terhincut-hincut dan perjalanannya mengambil masa lebih lama daripada hari-hari lain. Akhirnya, dia tiba di sekolah tetapi tidak sempat ke kantin. Sebaik sahaja dia menjejakkan kakinya ke pagar sekolah, loceng pun berbunyi. Ayu terpaksa ke dewan untuk upacara menaikkan bendera. Selepas upacara itu, pengetua sekolah memberikan ucapan khas kerana kebetulan hari itu Hari Pertahanan Mutlak.

**1 jam**
**40 minit**

# Kertas 2- Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

35. Bagaimanakah Ayu selalunya ke sekolah? (2 markah)

Lihat pemberatan markah

36. Ayu seorang anak yang derhaka kepada ibunya. Berikan dua bukti.

(4 markah)

1 jam
40 minit

# Kertas 2- Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

40 Terdapat perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

( 2 markah)

a) memerhati dengan teliti

______________________________

| Markah yang diperoleh | |
|---|---|

b) mempelajari berulang-ulang

______________________________

| Markah yang diperoleh | |
|---|---|

**1 jam 40 minit**

# Kertas 3- Kefahaman Mendengar

- 10 soalan aneka pilihan
- 7 teks autentik pelbagai genre seperti pengumuman, iklan dan lain-lain
- Terdapat pilihan jawapan berbentuk grafik dan yang menguji keupayaan pelajar untuk melengkapkan perbualan (dialogue rejoinder)

**30 minit**

# Kertas 3 – Lisan
# (Bacaan Lantang & Perbualan)

Murid diberi 10 minit untuk membuat persediaan. Mereka akan melihat slaid bacaan dan menonton sebuah klip video.

→

Murid membaca petikan bacaan dengan pemeriksa.

→

Pemeriksa akan menjalankan perbualan bersama murid tetang perkara yang berkaitan dengan klip video.

# Kertas 3 – Lisan
# (Bacaan Lantang & Perbualan)

1 2

Encik Hafiz dan Puan Linda terpaksa ke Kuala Lumpur di atas urusan perniagaan. Oleh itu, Citra haruslah bermalam di rumah Mak Limah selama beberapa hari. Ibu dan ayah Citra tidak sempat menghantarnya ke rumah Mak Limah kerana mereka harus bergegas ke lapangan terbang.

Walaupun baru berusia sepuluh tahun, Citra faham akan kesibukan orang tuanya. Dia pun sudah biasa berulang-alik dari rumahnya di Toa Payoh ke rumah Mak Limah di Bishan.

“Citra, ibu terpaksa meninggalkan Citra dalam jagaan Mak Limah. Citra hati-hati ya, dalam perjalanan ke rumah Mak Limah,” kata Puan Ana dengan nada yang lembut.

# Kemahiran Interaksi Lisan

# Darjah 5

| Hasil Pembelajaran Khusus | Subkemahiran |
|---|---|
| Berbual dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila | ▪ Berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kosa kata dan ayat yang betul |
| | ▪ Berbual tentang sesuatu perkara dengan sebutan dan intonasi yang betul |
| | ▪ Bertukar-tukar idea, pendapat atau pandangan tentang sesuatu topik dengan jelas, lancar dan spontan |
| | ▪ Bertukar-tukar idea, pendapat atau pandangan dengan yakin |
| Bertanya dan menjawab sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan bertatasusila | ▪ Bertanya dan menjawab pertanyaan |
| | ▪ Bertanya dan memberikan respons yang sesuai secara spontan dan yakin mengikut situasi, konteks dan tujuan |

# Kemahiran Interaksi Lisan

# Darjah 5

| Hasil Pembelajaran Khusus | Subkemahiran |
|---|---|
| Berbincang tentang sesuatu perkara secara bertatasusila | ▪ Mengemukakan idea, pendapat atau pandangan dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang betul |
| | ▪ Mengemukakan idea, pendapat atau pandangan tentang sesuatu perkara dengan memberikan contoh yang sesuai |
| | ▪ Menerangkan idea, pendapat atau pandangan dengan menggunakan bahasa yang betul |
| | ▪ Mengemukakan idea, pendapat atau pandangan yang membina dengan menggunakan bahasa yang betul |

1 2

# Kertas 3– Lisan
# (Bacaan Lantang & Perbualan)



# Soalan Interaksi Lisan

**TEMA: Apabila menunggang basikal, kita harus berhati-hati agar tidak membahayakan diri sendiri dan juga orang lain.**

1. **Jika anda budak lelaki di dalam video tadi, apakah perasaan anda jika anda ditegur disebabkan kelakuan anda yang merbahaya itu? Mengapa? (berdasarkan video)**

2. **Pernahkah anda menyaksikan orang lain melakukan perbuatan yang membahayakan diri orang di sekelilingnya. Cuba ceritakan pengalaman anda itu. (pengalaman sendiri)**

3. **Sarankan cara-cara pihak sekolah boleh mendidik murid-murid supaya sentiasa berhati-hati agar tidak membahayakan diri sendiri ataupun orang lain? (saranan / idea)**

# Format Peperiksaan

| PSLE (BAHASA MELAYU LANJUTAN) | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Kertas** | **Kandungan** | **Markah** | **Pertimbangan** | **Jangka Masa** |
| 1 | Karangan<br>180pp atau lebih | 40 | 40% | 50 minit |
| 2 | Penggunaan Bahasa dan Kefahaman | 60 | 60% | 1 jam 20 minit |
| JUMLAH PENUH: | | 100 markah | 100% | |

# Kertas 1- Karangan (BML)

**SOALAN 1:**

Tulis sebuah karangan berdasarkan tajuk dan senario yang diberikan.

**Satu peristiwa yang sungguh menggembirakan untuk anda.**

- Ceritakan satu peristiwa yang berlaku yang telah membuat anda sekeluarga serta teman-teman gembira.
- Apakah peristiwa tersebut?
- Mengapakah peristiwa menggembirakan dan membanggakan

---

**SOALAN 2:**

Tulis sebuah cerita dengan menggunakan permulaan yang berikut:

- Bahuku ditepuk dari belakang. Aku menoleh ke belakang lalu mendapati Mariah sedang tercungap-cungap dan berpeluh-peluh. Dia memberitahu aku bahawa Cikgu Khairul sedang mencari aku. Aku.......

# Kertas 2: Bahasa & Kefahaman (BML)

| | |
|---|---|
| PERIBAHASA | 10 |
| MENGEDIT TEKS | 10 |
| MELENGKAPKAN TEKS | 16 |
| KEFAHAMAN SUBJEKTIF | 20 |
| KOSA KATA | 4 |
| MARKAH PENUH | 60 |

**1 Jam 20 minit**

# Tips untuk Para Pelajar

## Tips Belajar Bahasa Melayu

**Rajin membaca buku Bahasa Melayu.**

**Lebih banyak membaca,**
**Lebih banyak kosa kata,**
**Lebih baik penulisan kita.**



# Tips untuk Para Pelajar

## Tips Belajar Bahasa Melayu

Sentiasa dengar, tonton, nyanyi dalam Bahasa Melayu.



# Bahan Bacaan



# Bahan Bacaan



# Bahan Bacaan










**Gen-G**

Akhbar untuk Pelajar

# Bahan Bacaan




Setiap Khamis & Jumaat

# Sokongan Ibu Bapa

- Dedahkan anak anda kepada Bahasa Melayu
  -Dengar rancangan di stesen radio

WARNA 94.2fm

RIA 89.7FM

Dengar pengumuman,
iklan, cerita dll
di radio.

# Sokongan Ibu Bapa

- Dedahkan anak anda kepada Bahasa Melayu
  -Tonton berita, drama atau filem Melayu
  - Galakkan anak anda membaca buku dan akhbar Melayu




Baca bersama pembaca berita.

BeritaHarian.sg

Tahu tentang perkembangan semasa.

# Sokongan Ibu Bapa

- Dedahkan anak anda kepada Bahasa Melayu
  -Bertutur dalam Bahasa Melayu



# TERIMA KASIH